



## **PENUBUHAN PUSAT BIODIVERSITI MALAYSIA: PUSAT KECEMERLANGAN BIODIVERSITI MERENTAS SEKTOR**

*Helmy Tariq, O.<sup>1</sup>*

*Email: helmy@nress.gov.my*

### **ABSTRACT**

Malaysia diiktiraf sebagai salah satu daripada 17 buah negara *megadiverse* iaitu antara negara yang paling kaya dengan kepelbagaian biologi. Kepelbagaian biologi negara-negara *megadiverse*, jika digabungkan, akan membentuk hampir 70 peratus spesies yang diketahui di dunia. Negara-negara *megadiverse* telah menubuhkan pusat biodiversiti kebangsaan di negara masing-masing untuk menerajui pengurusan biodiversiti secara cekap dan berkesan. MBC ialah pusat kecemerlangan (*centre of excellence*) bagi mengukuhkan pengurusan biodiversiti merentas sektor serta menyokong agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) ke arah mencapai status 'negara neutral karbon' menjelang 2050. MBC akan melengkapkan (*complement*) inisiatif pengurusan biodiversiti di peringkat negeri dengan memberi fokus kepada penyelidikan saintifik sumber asli; pengurusan koleksi saintifik dan interfasa sains dan polisi.

**Kata Kunci:** MBC, *Megadiverse*, Biodiversiti